

Pendekatan Fatwa Majlis Ulama Indonesia (MUI) Dalam Isu Perkahwinan Beza Agama Di Indonesia Dari Perspektif Maqasid Al-Shari'ah

The Maqasid al-Shari'ah Perspective on the Indonesia Council of Ulama (MUI) Fatwa Regarding Interreligious Marriage in Indonesia

Abdul Hakim¹
Ridzwan Ahmad²
Syed Mohd Jefri Syed Jaafar³

ABSTRAK

Di Indonesia hubungan sosial dan budaya dalam kalangan pelbagai kaum dan agama dianggap salah satu faktor utama berlakunya perkahwinan beza agama. Kerajaan Indonesia mewartakan Undang-undang Nomor 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan, serta Instruksi Presiden Republik Indonesia Nomor 1 Tahun 1991 tentang Kompilasi Hukum Islam. Dalam Undang-undang Nomor 1 Tahun 1974 Pasal 2 ayat (1) disebutkan: "Perkawinan adalah sah, apabila dilakukan menurut hukum masing-masing agamanya dan kepercayaannya itu". Fatwa Komisi Majlis Ulama Indonesia telah mengeluarkan Fatwa dalam Musyawarah Nasional II tanggal 11-17 Rajab 1400 H/26 Mei- 1 June 1980 M tentang larangan perkahwinan beza agama sama ada lelaki beragama Islam berkahwin dengan perempuan musyrikah atau ahl-Kitab atau perempuan beragama Islam berkahwin lelaki musyrik atau ahl-kitab. Tujuan kajian ini untuk menganal pasti fatwa MUI tentang perniakhan beza agama dari perspektif maqasid al-Shari'ah. Kajian ini mengguna pakai metode dokumentasi, manakala analisis data pula dilakukan melalui metode deskriptif kualitatif dengan menjadikan maqasid al-shari'ah sebagai kayu ukur utama. Dapatkan kajian ini, pendapat mayoriti ulama bahawa pernikahan beza agama adalah harus. Sedangkan fatwa MUI lebih menepati maqasid al-shari'ah dibawah daruriyyah al-Khams dari sudut pemeliharaan terhadap agama dan keturunan iaitu pernikahan beza agama hukumnya haram, kerana ia lebih besar mudaratnya daripada maslahahnya. Selaian itu, perkahwinan beza agama akan menyebabkan berlakunya percampuran agama Islam dengan agama yang lain dari sudut amalan sehari-an.

Kata kunci: Fatwa MUI (Majlis Ulama Indonesia), Perkahwinan beza agama, Maqasid al-Shari'ah.

ABSTRACT

In Indonesia, the social and cultural relationship among various ethnicities and religions is one of the main contributing factors in inter-religious marriages. The Indonesian government has promulgated Law Number 1 of 1974 concerning Marriage, as well as Presidential Instruction of the Republic of Indonesia Number 1 of 1991 concerning the Compilation of Islamic Law. Article 2, paragraph (1) of Law Number 1 of 1974 states: "Marriage is valid if conducted according to the laws of each respective religion and belief." The Fatwa Commission of the Indonesian Council of Ulama has issued a fatwa during the Second National Consultation held on the 11th to 17th of Rajab 1400 H/26 May to 1 June 1980 M, regarding the prohibition of inter-religious marriages. It specifies that it is not allowed for a

¹ Pelajar calon PhD, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Ibnu.santawi@gmail.com

² Pensyarah Kanan di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur Malaysia, ridzwan@um.edu.my

³ Pensyarah Kanan di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur Malaysia syedjeffri89@um.edu.my

Muslim man to marry a polytheistic or People of the Book (Ahl al-Kitab) woman, and vice versa. The purpose of this study was to analyse the MUI fatwa on inter-religious marriages from the perspective of Maqasid al-Shari'ah. The research employed a documentation method, while data analysis was conducted through a qualitative descriptive method using Maqasid al-Shari'ah as the main criterion. The findings of this study indicate that the majority of scholars believe that inter-religious marriages are permissible. However, the MUI fatwa aligns more with Maqasid al-Shari'ah under daruriyyah al-Khams concerning the preservation of religion and lineage, stating that inter-religious marriage is prohibited because the harms outweigh the benefits. Inter-religious marriages also may lead to the mixing of Islamic practices with those of other religions in daily life.

Keywords: *Fatwa MUI (Majlis Ulama Indonesia), Interfaith marriage, Maqasid al-Shari'ah*

PENDAHULUAN

Perkahwinan adalah ibadah yang suci dalam Islam. Ia bukan sekadar menghalalkan hubungan kelamin, bahkan merupakan ikatan yang sangat kuat dan kukuh (*mithaqan ghalizan*) antara dua pihak iaitu suami isteri.⁴ Begitu juga perkahwinan bukan hanya menyatukan dua orang yang berlainan jantina semata-mata bahkan ikatan (akad) yang dilaksanakan mempunyai syarat dan rukun tertentu. Di sebalik ikatan perkahwinan itu pula terdapat persamaan hak dan kewajipan masing-masing melibatkan suami dan isteri. Dalam keluarga, suami berkewajipan membayar mas kahwin dan memberi nafkah kepada isterinya. Di sebaliknya suami juga berhak mendapat layanan yang baik daripada isterinya.⁵ Begitu juga seorang isteri berkewajiban melayani suami dengan sepenuh hati, selain berhak mendapat tempat tinggal, nafkah, pakaian dan sebagainya.⁶ Suami pula bertanggungjawab sepenuhnya terhadap nafkah isteri dan anak-anaknya.⁷

Seiring dengan perkembangan semasa ketika ini, perkahwinan yang sering menimbulkan permasalahan dalam kalangan masyarakat Islam khususnya di Indonesia ialah perkahwinan beza agama. Isu perkahwinan beza agama menjadi perdebatan antara ulama tafsir dan fiqh. Jika dalam perkahwinan biasa, secara umumnya bakal suami isteri mestilah beragama Islam bahkan perbezaan agama tidak mengharuskan perkahwinan justeru ia tidak menimbulkan sebarang pertentangan khususnya melibatkan perundangan Islam.

Berbagai fatwa dan pendapat serta beragam alasan dasar istinbat hukum oleh para ulama. Dalil yang sering dikedepankan adalah QS, al-Baqarah 2:221 dan QS, al-Mumtahanah 60:10. Para ulama sepakat bahwa wanita Muslimah tidak boleh (haram) kahwin dengan lelaki bukan Muslim, sama ada Musyrik (penyembah berhala) maupun Ahl al-Kitâb.⁸ Dan lelaki Muslim menikah dengan wanita kitabiyah ulama fiqh berbeza pendapat dengan menggunakan dasar al-Quran QS: al-Maidah 5: 5.

Kajian ini masih diperlukan dalam memastikan sama ada asas kepada undang-undang ini telah digunakan dengan betul dan terarah berdasarkan reality semasa di Indonesia. Sebagaimana yang kita ketahui dalam pengambilan hukum daripada al-Quran, ia mestilah merujuk kepada tafsiran ayat-ayat al-Quran yang dijadikan asas penentuan fatwa. Namun MUI tidak menyertakan pendapat mufassir tentang asas perkahwinan antara agama seperti ayat 5 surah al-Maidah 11 dan al-Baqarah ayat 221. Sebagai contoh, dalam mentafsir ayat ini, Imam Nawawi menyatakan bahawa Imam Syafi'i mengharuskan perkahwinan dengan wanita ahli kitab berdasarkan ahli kitab sebelum al-Quran diturunkan. Namun bagi mazhab lain seperti

⁴ Sayid al-Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Juzuk I, (Kaherah: Dar Al-Fath Lil Ilam Al-Arabi, 1999),

⁵ Mufidah CH, *Psikologi Keluarga Islam Berwawasan Gender*, (Malang: UIN-Malang Press 2008), 140-142

⁶ *Ibid*, 147

⁷ N. Nasiri, *Membongkar praktik kawin friend para wanita Sosialita di Surabaya. Ijtihad: Jurnal Wacana Hukum Islam Dan Kemanusiaan*, 18(2), 2018, 193- 210.

⁸ Abi Abdillah Muhammad bin Idris Shafî'i, *al-Umm*, Jid V, 6-7

Hanafi, Hanbali dan Maliki, mereka mengharuskan perkahwinan dengan wanita ahli kitab, walaupun agama ahli kitab itu telah dinasakhkan.⁹ Lahiarnya MUNAS (Musyawarah Nasional) MUI) Nomor: 4/Munas VII/MUI/8/2005 MUI mengeluarkan fatwa bahawa pernikahan beza agama adalah haram.¹⁰ Ia berdasarkan dalam surah *al-Mumtahanah*, ayat 10 dan surah *al-Tahrim* ayat 6 yang memerintahkan agar setiap umat Islam berkewajipan memelihara ahli keluarga masing-masing dari api neraka. Begitu juga hadith Nabi riwayat Bukhari dan Muslim yang menyatakan tentang kriteria calon isteri yang lebih menitikberatkan aspek agama yang perlu di utamakan.¹¹

Adanya Fatwa hukum nikah beza agama ini oleh MUI adalah haram, umat islam dapat mengamalkan dan menjaga akidahnya agar tidak terjerumus dalam kemosyrikan sehingga fatwa ini sebagai pencegahan pernikahan beza agama. Dengan demikian, pengkaji cuba akan menghuraikan bagaimana hukum perkawinan beza agama yang dikeluarkan oleh fatwa MUI dari perspektif maqasid al-Shari'ah.

PERKEMBANGAN PERKAHWINAN BEZA AGAMA DI INDONESIA

Perkahwinan beza agama ialah perkahwinan yang dilakukan oleh pasangan suami isteri yang tidak seagama atau berbeza kepercayaan agama. Isu perkahwinan beza agama ini memang berlaku sejak zaman turunnya Islam di Makkah dan Madinah dan berlaku juga kepada anak Rasulullah s.a.w. iaitu Siti Ruqayyah dengan 'Utbah bin Abu Lahab.¹² Seterusnya perkahwinan beza agama berlaku juga dalam kalangan sahabat Nabi s.a.w. Ia melibatkan Sahabat besar iaitu Uthman bin Affan, Talhah bin Abdullah, Hudzayfah bin Yaman dan Sa'ad bin Abi Waqas. Nabi Muhammad s.a.w. mempunyai seorang hamba perempuan kristian iaitu Maria al-Qibtiyah. Salah seorang menantu Nabi s.a.w. sebelum hijrah ke Madinah adalah seorang bukan Islam iaitu ibn al-Ash yang berkahwin dengan Zaynab binti Muhammad. Selama enam tahun, ibn al-Ash mengikut agama lamanya, kemudian memeluk Islam tanpa sebarang perkawinan baharu.¹³

Sebagaimana bentuk-bentuk perkahwinan yang tidak lazim lainnya, kedudukan hukum perkahwinan beza agama juga telah menjadi polemik berpanjangan dalam kalangan ulama silam dan kontemporari.¹⁴ Ulama silam dan kontemporari mengeluarkan fatwa yang bertentangan antara satu sama lain dengan melihat sudut pandangan yang berbeza. iaitu golongan yang membenarkan dan golongan yang mengharamkan amalan perkahwinan beza agama¹⁵.

Pada dasarnya hukum perkahwinan beza agama melibatkan wanita Islam telah dikawal ketat melalui surah al-Baqarah ayat 221 dan hadith tertentu yang mengharamkannya secara mutlak. Bahkan pengharaman tersebut telah disepakati oleh para ulama. Perdebatan para ulama dalam perkahwinan beza agama hanya melibatkan perkahwinan lelaki muslim dengan wanita ahli kitab dan kafir selain ahli kitab. Malah para ulama silam dan kontemporari sehingga kini

⁹ Imam Nawawi, *Tafsir al-Munir*, Jilid I, 192.

¹⁰ Majelis Ulama Indonesia, *Himpunan Keputusan dan Fatwa Majelis Ulama Indonesia* (Jakarta: Sekretariat MUI Mesjid Istiqlal, 1995), 91

¹¹ Ibnudin. 2015. *Pandangan Perkawinan Beza Agama Antara Majelis Ulama Indonesia (MUI) Dan Jaringan Islam Liberal (JIL)*, 98.

¹² Nabi telah mengahwinkan puterinya Ruqayyah dengan 'Utbah ibn Abi Lahab. Selepas Islam datang, Nabi juga tidak meminta puteri baginda berpisah dengan 'Utbah. Perceraian itu berlaku bukan kerana permintaan nabi, tetapi kerana Abu Lahab, musuh ketat Islam, yang membantah anaknya mengahwini Ruqayyah yang beragama Islam. Jika tidak ada permintaan untuk bercerai, perkahwinan itu akan diteruskan.

¹³ Abdul Jalil, *Perkahwinan Beza Agama Dalam Perspektif Hukum Islam Dan Hukum Positif Di Indonesia*, 52

¹⁴ Ibnudin, *Pandangan Perkawinan Beza Agama Antara Majelis Ulama Indonesia (MUI) Dan Jaringan Islam Liberal (JIL)*, Jurnal Risaalah: Pendidikan dan Studi Islam, Vol . 1 , No. 1, Desember 2015, 97

¹⁵ Yang diperdebatkan mengenai perkahwinan beza agama oleh ulama terdahulu dan kontemporari ialah wanita yang bukan beragama Islam. Adapun lelaki bukan Islam yang mengahwini wanita yang beragama Islam, hukumnya tidak dibenarkan dan jelas firman Allah dalam Surah al-Baqarah: 221

masih meneruskan perdebatan terhadap keharusan perkahwinan beza agama ini¹⁶. Ini kerana setiap tegahan dan keharusan sesuatu dalam perkahwinan mempunyai tujuan dan matlamat tertentu. Menurut Abdul Wahab dan al-Naib, seseorang mujtahid perlu mengetahui tujuan Syarak terhadap nas-nas Syarak yang diturunkan dalam memutuskan sesuatu hukum. Ini kerana semua hukum yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. mempunyai maksud dan matlamat yang khusus dalam pencapaian *maslahah* dan penolakan *mafsadah* terhadap manusia yang menjadi prinsip utama dalam *maqaṣid al-shari'ah*.¹⁷

Berdasarkan kepelbagaian pandangan para ulama terhadap isu ini, maka perlu dianalisis maksud sebenar sama ada dalam nas al-Quran, mahupun hadith yang berkaitan dengan konsep perkahwinan beza agama.¹⁸ Ini kerana keharusan mahupun tegahan perkahwinan beza agama masih tertakluk kepada *hikmah al-tashri'* sama ada ia memberi *maslahah* mahupun *mafsadah* kepada umat Islam.

Di Indonesia perkahwinan beza agama telah berlaku masa Pemerintah Hindia Belanda, iaitu Penetapan Raja pada tanggal 29 Desember 1896. Kemudian, dipertegas dalam Undang-Undang Nombor 1 Tahun 1974 dalam KHI Indonesia (Kompilasi Hukum Islam).¹⁹ Isu perkahwinan beza kepercayaan ini sering dibincangkan dalam kalangan masyarakat di Indonesia sehingga kini. Di Indonesia, terdapat beberapa undang-undang mengenai perkahwinan beza agama. Salah satunya adalah Undang-Undang Nombor 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan.

Realitinya cinta yang bersifat universal, tanpa mengenal batas agama, bangsa dan golongan membolehkan dua orang yang beza agama saling mencintai dan ingin meneruskan kehidupan bersama melalui ikatan perkahwinan. Sebaliknya, kebebasan beragama dijamin secara perlembagaan di Indonesia dan dilindungi sebagai hak asasi manusia. Justeru, isu pelaksanaan perkahwinan beza agama di Indonesia dari sudut agama dan undang-undang merupakan masalah yang perlu diselesaikan secara tuntas.

Contohnya perkahwinan beza agama di Indoensia telah menjadi tradisi atau kebiasaan dalam memilih pasangan, terutama tokoh atau pelakon terkenal. Di antaranya ialah perkahwinan beza agama Jamal Mirdad (muslim) dan Lydia Kandau (kristian), Katon Bagaskara (kristian) dan Ira Wibowo (muslimah), Adi Subono (Muslim) dan Chrisye (kristian), Jeremy Thomas (kristian) dan Ina Idayanti (muslimah), Henry Siahaan (kristian) dan Yuni Sara (Muslimah), Ari Sihasale (kristian) dan Nia Zulkarnaen (muslimah), Dedi Kobusker (Kristian) dan Kalina (muslimah), Frans Mohede (Kristian) dan Amara (muslimah), Sony Lalwani (muslim) dan Cornelia Aghata (kristian), Tamara Bleszynksi (muslimah) dan Mike Lewis (kristian), Glenn Fredly (kristian) dan Dewi Sandra (muslimah), Aqi Alexa (muslim) dan Audrey Meirina (kristian).²⁰ Yang terkini perkahwinan beza agama ini dilaporkan berlaku di kota Semarang, Jawa Tengah, pada 6 Mac 2022, iaitu seorang isteri beragama Islam berkahwin dan seorang suami beragama Kristian.²¹

Kes ini mencetuskan polemik baharu dalam kalangan netizen Indonesia khususnya

¹⁶ Aulil Amri, *Konsep Keimanan dalam Undang-Undang Terhadap Perkawinan Beda Agama*, Jurnal Media Syari'ah, Vol. 22, No. 1, 2020, 61

¹⁷ Lihat Abdul Wahab, A. S., & Al Naib, F. A. G. (1972). Inhibitional effects of Imperata cylindrica (L.) PB. *Baghdad Univ Iraq Natur Hist Mus Bull*.

¹⁸ Abdul Jalil, *Perkahwinan Beza Agama Dalam Perspektif Hukum Islam Dan Hukum Positif Di Indonesia Andragogi* Jurnal Diklat Teknis, Volume: VI No. 2 Juli – Desember 2018, 47

¹⁹ Pengadilan Agama Probolinggo (2022), *Konflik Norma Pernikahan Beda Agama di Indonesia*, Accessed Ogos 02 2022. <https://badilag.mahkamahagung.go.id/artikel/publikasi/artikel/nadzirotus-sintya-falady-s-h-cpns-analisis-perkara-peradilan-calon-hakim-2021-pengadilan-agama-probolinggo>. 17.08.2022

²⁰ Abdul Jalil, *Perkahwinan Beza Agama Dalam Perspektif Hukum Islam Dan Hukum Positif Di Indonesia* 51

²¹ Riska Farasonalia (2022), Kompas: *Foto Pernikahan Beda Agama di Kota Semarang Viral di Media Sosial*, Accessed Ogos 04 2022. <https://regional.kompas.com/read/2022/03/07/173048978/foto-perkahwinan-beza-agama-di-kota-semarang-viral-di-media-sosial?page=all>

berkaitan hukum pernikahan tersebut sama ada diharuskan ataupun tidak. Dalam hal ini Mahkamah Agung (MA) telah mengeluarkan perintah mlarang Mahkamah Civil Law dari meneruskan perkahwinan beza agama dan keyakinan. Keputusan tersebut tertera dalam surat edaran MA Nombor 2 Tahun 2023 tentang Petunjuk Bagi Hakim dalam Mengadili Perkara Permohonan Pencatatan Perkahwinan Antara-Umat yang Berbeza Agama dan Kepercayaan²².

Dalam surat edaran tersebut dinyatakan bahawa “Perkawinan yang sah adalah perkawinan yang dilakukan menurut hukum masing-masing agama dan kepercayaannya itu. MA meminta pengadilan merujuk pada Pasal 2 ayat (1) dan Pasal 8 huruf f Undang-Undang Nomor 1 Tahun 1974 tentang Perkawinan”.

Dengan keluarnya surat edaran tersebut, diharapkan masyarakat Indonesia dapat menerima dan memahami terhadap larangan pernikahan beza agama agar tidak mencampurkan adukkan agama Islam dengan agama yang lain khususnya melibatkan perkahwinan beza agama. Dari sudut yang lain ia dapat melahirkan masyarakat yang aman damai dan tenteram dalam melaksanakan tuntutan agama masing-masing.

Fenomena terkini di Indonesia menunjukkan bahawa perkahwinan beza agama tidak dapat membina keluarga yang harmoni, bahagia, sejahtera, sakinah, mawaddah dan rahmah, bahkan akhirnya mengakibatkan perceraian. Ianya melibatkan kes seperti perkahwinan Jamal Mirdad dengan Lydia Kandau, Katon Bagaskara dengan Ira Wibowo, Henry Siahaan dengan Yuni Sara, Dedi Kobusher dengan Kalina, Tamara Bleszynksi dengan Mike Lewis, Cornelia Agatha dengan Soni Lalwani dan Glenn Fredly dengan Dewi Sandra²³. Isu perkahwinan dan perceraian ini menyumbang perdebatan di antara para ulama semasa sama ada perkahwinan beza agama ini dibenarkan ataupun tidak dalam Islam berdasarkan situasi dan realiti semasa.

HUKUM PERNIKAHAN BEZA AGAMA DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

Perkahwinan beza agama bukan amalan baharu dalam kalangan umat Islam. Bahkan perkahwinan tersebut telah diamalkan sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. sehingga kini khususnya melibatkan golongan musyrik dan ahli kitab.

Dalam al-Quran tegahan perkahwinan terhadap golongan musyrik dinyatakan secara jelas sebagaimana ayat berikut:

وَلَا تَنِكِحُواْ أَلْمُشْرِكَتِ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ ۚ وَلَا مُّلَمَّةٍ مُّؤْمِنَةٌ حَيْرٍ ۖ مِّنْ مُّشْرِكٍ ۗ وَلَوْ أَعْجَبْتُكُمْ ۝
وَلَا تُنكِحُواْ أَلْمُشْرِكَيْنِ حَتَّىٰ يُؤْمِنُواْ ۚ وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ حَيْرٌ ۖ مِّنْ مُّشْرِكٍ ۗ وَلَوْ أَعْجَبْتُكُمْ ۝
۝ أُولَئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ ۝ وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى الْجَنَّةِ وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ ۝ وَبَيْنَ هَذَيْنِ
لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

al-Baqarah 2: 221

Terjemahan: Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam); dan sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir musyrik sekalipun keadaannya menarik hati kamu. Dan janganlah kamu (kahwinkan perempuan-perempuan Islam) dengan lelaki-lelaki kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam) dan sesungguhnya seorang hamba lelaki yang beriman lebih baik daripada

²² [M. Julnis Firmansyah \(2023\), MA Keluarkan Edaran Larang Pengadilan Catatkan Pernikahan Beda Agama](https://nasional.tempo.co/read/1749696/ma-keluarkan-edaran-larang-pengadilan-catatkan-pernikahan-beda-agama) Accessed Ogos 02 2023. <https://nasional.tempo.co/read/1749696/ma-keluarkan-edaran-larang-pengadilan-catatkan-pernikahan-beda-agama>

²³ Republika (2021): 8 Artis Menikah Beda Agama dan Berakhir Cerai, Accessed Ogos 04 2022 <https://www.republika.co.id/berita/r3gjcv4324000/8-artis-mekahwin-beza-agama-dan-berakhir-cerai>.

seorang lelaki musyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu. (Ini kerana) orang-orang kafir itu mengajak ke neraka sedang Allah mengajak ke Syurga dan memberi keampunan dengan izinNya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) kepada umat manusia, supaya mereka dapat mengambil pelajaran (daripadanya).

Ayat di atas menjelaskan larangan seorang muslim kahwin seorang muslimah dengan seorang musyrik dan seorang muslimah dengan seorang musyrik.

Seterusnya Allah SWT berfirman:

الْيَوْمَ أَحِلَّ لَكُمُ الْطَّيِّبَاتُ ۖ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُواۤ الْكِتَابَ حِلٌّ لَّكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَّهُمْ ۖ
وَالْمُحْسَنُاتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُحْسَنُاتُ مِنَ الَّذِينَ أُوتُواۤ الْكِتَابَ إِذَاۤ ءَانَتْ مُوْهَنَّ
أُجُورُهُنَّ مُخْصَنَّ عَيْرٌ مُسْتَحْدِنٌ وَلَا مُتَّخِذِي تَأْخِدَانِ ۖ وَمَن يَكُفُّرُ بِالْإِيمَنِ فَقَدْ حِيطَ
عَمَلُهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْحَسِيرِينَ

al-Maidah 5: 5

Terjemahan: Pada hari ini dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lazat-lazat serta baik-baik. Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberikan Kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah kamu memberi makan kepada mereka). Dan (dihalalkan kamu berkahwin) dengan perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya - di antara perempuan-perempuan yang beriman, dan juga perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya dari kalangan orang-orang yang diberikan Kitab terdahulu daripada kamu apabila kamu beri mereka mas kahwinnya, sedang kamu (dengan cara yang demikian), bernikah bukan berzina, dan bukan pula kamu mengambil mereka menjadi perempuan-perempuan simpanan. Dan sesiapa yang ingkar (akan syariat Islam) sesudah ia beriman, maka sesungguhnya gugurlah amalnya (yang baik) dan adalah ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi

Manakala dalam surah al-Mumtahanah ayat 10 Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا جَاءَكُمُ الْمُؤْمِنَاتُ مُهَاجِرَاتٍ فَامْتَحِنُوهُنَّ ۖ اللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَانِهِنَّ ۖ فَإِنْ
عِلِّمْتُمُوهُنَّ مُؤْمِنَاتٍ فَلَا تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى الْكُفَّارِ ۚ لَا هُنَّ حِلٌّ لَّهُمْ وَلَا هُنَّ يَحْلُونَ هُنَّ ۖ وَءَاتُوهُمْ مَا
أَنْفَقُوا ۖ وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ أَنْ تَنكِحُوهُنَّ إِذَا ءَانَتْ مُوْهَنَّ أُجُورُهُنَّ ۖ وَلَا تُمْسِكُوا بِعِصْمَ الْكَوَافِرِ
وَسْأَلُوا مَا أَنْفَقُتُمْ وَلْيَسْأَلُوا مَا أَنْفَقُوا ۖ ذَلِكُمُ حُكْمُ اللَّهِ ۖ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ ۖ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

al-Mumtahanah 60: 10

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila orang-orang perempuan yang mengaku beriman datang berhijrah kepada kamu, maka ujilah (iman) mereka: Allah lebih mengetahui akan iman mereka: dengan yang demikian, sekiranya kamu mengetahui bahawa mereka beriman, maka janganlah kamu mengembalikan mereka kepada orang-orang yang kafir. Mereka tidak halal bagi orang-orang kafir itu (sebagai isteri), dan orang-orang kafir itu pula tidak halal bagi mereka (sebagai suami). Dan berilah kepada suami-suami (yang kafir) itu apa yang mereka telah belanjakan. Dan

tidaklah menjadi salah kamu berkahwin dengan mereka (perempuan-perempuan yang berhijrah itu) apabila kamu memberi kepada mereka maskahwinnya. Dan janganlah kamu (wahai orang-orang Islam) tetap berpegang kepada akad perkahwinan kamu dengan perempuan-perempuan yang (kekal dalam keadaan) kafir, dan mintalah balik maskahwin yang kamu telah berikan, dan biarkanlah mereka (suami-suami yang kafir itu) meminta balik apa yang mereka telah belanjakan. Demikianlah hukum Allah; Ia hukumkan di antara kamu (dengan adil). Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Seterusnya dalam surah al-Tahrim ayat 6 Allah SWT berfirman:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُواْ فُؤُلْ أَنفُسُكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْجَحَّاجَةُ عَلَيْهَا مَلَكَةٌ غَلَاظٌ شَدَادٌ
لَا يَعْصُوْنَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُرِيدُونَ

QS: al-Tahrim 66: 6

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.

Dalam surah al-Baqarah, ayat 221 dijelaskan tentang perkahwinan yang beza agama, antaranya: perkahwinan muslim dengan perempuan musyrik; muslimah dengan lelaki musyrik. Larangan tersebut bersifat mutlak dan muktamad.²⁴ Namun surah al-Mai'dah, ayat 5 pula menjelaskan tentang keharusan perkahwinan lelaki Islam dengan wanita ahli kitab. Ahli kitab tidak dianggap musyrik walaupun mereka bukan muslim kerana memiliki kitab masing-masing iaitu orang Yahudi dan Nasrani, percaya kepada kitab Allah, Taurat, dan Injil, masing-masing diturunkan kepada Nabi Musa a.s. dan Isa a.s.²⁵ Sedangkan agama yang lain memiliki kitab suci selain Taurat dan Injil bukan termasuk golongan Ahli kitab.

Dalam surah al-Baqarah ayat 221 dan surah al-Mumtahanah, ayat 10 menjelaskan keharaman perkahwinan beza agama bagi lelaki muslim dan wanita musyrikah.²⁶ Kemudian, dalam surah al-Tahrim, ayat 6 secara tersiratnya juga mengharamkan perkahwinan tersebut demi memelihara zuriat dari tercampak ke dalam api neraka. Berkaitan dengan surah al-Maidah ayat 5, ahli tafsir dan ulama feqah berbeza pendapat tentang hukum pernikahan lelaki muslim dengan wanita ahli kitab iaitu Yahudi dan Nasrani.²⁷

a. Pandangan Ulama Yang Mengharuskan Perkahwinan Beza Agama

Mayoriti ulama mengharuskan lelaki Islam kahwin wanita dari ahli kitab (Yahudi atau Nasrani). Dasar hukum yang digunakan oleh mereka adalah firman Allah dalam surat al-Ma'idah ayat 5. Selain nas-nas al-Quran terdapat Sahabat Rasulullah sendiri yang berkahwin dengan wanita ahli kitab. Misalnya Huzaifah bin al-Yaman telah berkahwin dengan seorang wanita Yahudi, sedangkan tiada seorang pun sahabat yang menentangnya.²⁸

Ulama mazhab Syafi'i dan sebahagian ulama lain seperti mazhab Hanbali mengharuskan perkahwinan wanita ahli kitab dari keturunan Bani Israel sahaja. Mereka yang

²⁴ Ahmad Mustafa al-Maraghi, *Tafsir Al-Maraghi*, (Misr: Matba'ah al-Halabi, 1946), 152

²⁵ *Ibid*, 60.

²⁶ Hamka, *Tafsir al-Azhar* (Jakarta: Gema Insani 2015), 424.

²⁷ Ahmad Mustafa al-Maraghi, *Tafsir Al-Maraghi*, 59

²⁸ Masjuf Zuhdi, *Masail Fiqihiyah*, (Jakarta: Toko Gunung Agung, 1997), 5.

bukan dari keturunan Bani Israel tidak termasuk ahli kitab walaupun beragama Yahudi dan Kristian.²⁹ Ini kerana Nabi Musa a.s dan Nabi Isa a.s hanya diutuskan kepada Bani Israel dan bukan kaum lain. Al-Shahrastani berpendapat boleh berkahwin dengan mana-mana wanita yang menerima ajaran kitab taurat dan injil tidak dikhususkan kepada wanita bani Israel sahaja.³⁰

Namun, terdapat sebahagian ulama yang berpendapat bahawa haram berkahwin dengan wanita ahli kitab kerana selain beriman dengan ketuhanan yang satu mereka juga menyembah tuhan lain yang dianggap sebagai Tuhan mereka. Dalam Fiqih al-Sunnah, Sayyid Sabiq menyatakan bahawa Ibn Umar pernah ditanya tentang lelaki Islam yang mengahwini wanita Nasrani atau Yahudi. Beliau menjawab, Allah melarang orang mukmin berkahwin dengan wanita musyrik. Seterusnya beliau menyatakan tidak ada penyembahan berhala yang lebih besar daripada seorang wanita yang mengatakan, Jesus adalah Tuhan mereka atau salah seorang dari Tuhan.³¹

Sebahagian ulama juga berpandangan makruh berkahwin dengan wanita ahli kitab. Dalam hal ini Sulaiman Ahmad Yahya al-Faifi berkata, walaupun boleh berkahwin dengan wanita ahli kitab, tetapi hukumnya makruh; kerana tidak ada jaminan wanita tersebut akan cenderung kepada agama suaminya; sebaliknya ia mungkin berisiko memfitnah agamanya, atau ahli keluarganya akan menguasainya. Namun berkahwin dengan perempuan *harbi* lagi makruh, kerana pengaruh ahli kafir *harbi* lebih hebat³² berbanding kafir *zimmi*.

Sheikh Yusuf al-Qaradawi ketika memilih pandangan yang mengharuskan muslim berkahwin dengan wanita ahli kitab iaitu Yahudi dan Kristian menyatakan bahawa keharusan tersebut berdasarkan hikmah berikut: *Pertama*, sebagai motivasi untuk isteri masuk Islam, *kedua*, memminimumkan jurang antara masyarakat Islam dan masyarakat ahli kitab, *ketiga*, meluaskan skop toleransi dalam kalangan penganut tiga agama ketuhanan dan *keempat*, menggalakkan interaksi positif antara masyarakat Islam dan masyarakat Ahl al-Kitab.³³

Abu Jarir al-Tabari (seorang ulama tafsir) dan Syeikh Muhammad Abduh pula membataskan wanita musyrik yang dilarang berkahwin hanya dari kalangan wanita Arab sahaja, kerana orang Arab pada masa turunnya al-Quran tidak mengetahui kitab suci dan mereka menyembah berhala.³⁴ Bagi mereka, seorang lelaki Islam boleh berkahwin dengan wanita musyrik dari bangsa bukan Arab, seperti wanita Cina, India dan Jepun, yang dianggap mempunyai kitab suci atau kitab suci yang serupa, seperti Buddha, Hindu, Confucian, yang beriman kepada tuhan yang Maha Esa, beriman kepada kehidupan selepas mati dan seterusnya.³⁵ Pendapat ini tidak disokong oleh mayoriti ulama termasuk *mazahib al-Arba'*, bahawa semua musyrikah sama ada bangsa Arab mahupun bukan Arab selain Ahli Kitab hukumnya haram kahwin dengan lelaki muslim.

Ulama yang mengharuskan pernikahan beza agama lelaki muslim dengan wanita ahli kitab berlandaskan QS al-Maidah ayat 5. Tetapi yang menjadi persoalan oleh pengkaji, adakah kesamaan ahli kitab dengan dulu?. Menurut pandangan Majlis Tarjih Muhammadiyah bahawa ahli Kitab yang ada sekarang tidak sama dengan ahli Kitab yang ada pada waktu zaman Nabi SAW. Semua ahli Kitab zaman sekarang sudah jelas musyrik atau menyekutukan Allah dengan

²⁹ Abu Malik Kamal bin As-Sayyid Salim. *Shahih Fikih Sunnah*. (Jakarta : Pustaka Azzam 2014), 139.

³⁰ Al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, juz. 2, 13

³¹ Sayyid Sabiq. *Fiqih Sunnah*. (Bandung: PT Al Ma'arif 1980), 155-156.

³² Sulaiman Ahmad Yahya Al-Faifi. *Ringkasan Fikih Sunnah Sayyid Sabiq*. (Jakarta: Pustaka Al-Kautsar 2009), 442.

³³ Aldil Nuari, *Kahwin Beza Agama Dalam Pandangan Yusuf Al-Qardhawi*, Tesis Program Pascasarjana (PPS) Universitas Islam Negeri (UIN) Sultan Syarif Kasim Riau 1442 H/2020 M, H. 129

³⁴ Muhammad Rasyid Ridha, *Tafsir al-Manar*, Kairo: Dar al-Manar 1367 H, Jilid 6. : 187-188; h. 190 dan 193 dalam jurnal Abdul Jalil, *Perkahwinan Beza Agama Dalam Perspektif Hukum Islam Dan Hukum Positif Di Indonesia*, 54

³⁵ *Ibid*

mengatakan bahawa Uzair itu anak Allah (menurut Yahudi) dan Isa itu anak Allah (menurut Nasrani).³⁶ Oleh itu, apabila QS al-Maidah ayat 5 di amalkan pada konteks setakat sangat tidak tepat, mengingat ahli kitab saat ini jarang di jumpai dan jika pernikahan beza agama berkalu akan mudah melahirkan problematika dalam keluarga, terutama dalam menentukan agama bagi anak-anaknya.

b. Pandangan Ulama Yang Mengharamkan Perkahwinan Beza Agama

Sebahagian ahli tafsir berpendapat bahawa perkataan mushrikah dan musyrikin dalam surah al-Baqarah ayat 221 bersifat umum iaitu untuk semua orang kafir termasuk ahli kitab. Sebahagian yang lain berpendapat bahawa larangan yang difahami daripada ayat tersebut telah dihapuskan melalui surah al-Maidah ayat 5. Pendapat pertama yang melarang kahwin wanita dari ahli kitab bersandarkan sumber Ibn Umar dan dijadikan panduan oleh Mazhab Zaidiyah. Ibn Umar dikenali sebagai seorang Sahabat yang sangat berhati-hati, justeru pandangan beliau dilatarbelakangi oleh sikap berhati-hati dan prihatin terhadap keselamatan akidah atau agama suami isteri dan anak-anak. Manakala pendapat kedua, yang membenarkan perkahwinan tersebut dianuti oleh majoriti ulama.³⁷

Sheikh 'Ali al-Sabuni dalam mengutarakan pandangan beliau menyatakan *musyrikah* yang dimaksudkan dalam larangan perkahwinan tersebut adalah "wanita yang menyembah berhala". Oleh itu kata *musyrikah* dapat diertikan sebagai "wanita yang menyembah berhala, baik berupa patung mahupun bentuk lain yang dianggap dapat mendatangkan manfaat dan menolak mudarat".³⁸ Jumhur ulama pula menyatakan maksud *musyrikah* yang diharamkan kahwin itu meliputi semua *musyrikah* (wanita *musyrik*) sama ada dari kalangan Arab mahupun bukan Arab tetapi tidak termasuk ahli kitab iaitu Yahudi dan Nasrani. Berdasarkan pandangan ini, wanita bukan Islam seperti Buddha, Hindu, Konfusianisme dan Majusi/Zoroaster, tidak boleh dijadikan sebagai isteri. Manakala penganut agama selain Islam iaitu Yahudi dan Kristian tidak termasuk dalam kategori *musyrikah*.³⁹ Hal ini ditegaskan dalam al-Quran terhadap larangan mengembalikan wanita beriman kepada suami mereka yang *musyrik* dalam surah al-Mumtahanah ayat 10. Disisi lain, ada ayat menghuraikan bahawa apa yang diyakini oleh Ahli Kitab adalah termasuk golongan orang *musyrik*, seperti firman Allah SWT. dalam Surah al-Tabah ayat 30-31. Sehingga tindakan orang *musyrik* tersebut tidak dimaafkan oleh Allah SWT. Oleh itu, Ahli Kitab sama dengan kaum *musyrik*. Maka, Sayyid Qutb, berstuju dengan pendapat Ibn Umar, dimana ia lebih cenderung pada pendapat yang melarang pernikahan dengan Ahli Kitab.⁴⁰

Dariapada dua pendapat diatas tersebut, pengkaji bersetuju dengan pendapat pernikahan beza agama hukumnya haram. 'Illahnya apabila pernikaha beza agama berlaku dikalangan umat islam akan memberi pengaruh negatif kepada anak-anaknya dalam rumah tangga dan tidak akan melahirkan keluarga sakinah mawaddah wa rahmah.

HUKUM PERKAHWINAN BEZA AGAMA MENURUT UNDANG-UNDANG DAN PRAKTIS DI INDONESIA

Sebelum kemerdekaan Indonesia, undang-undang berkaitan perkahwinan beza agama diletakkan di bawah pemerintah Hindia Belanda, iaitu Penetapan Raja bertarikh 29 Desember 1896 No. (Stb. 1898 No. 158) dikenali sebagai peraturan tentang Perkahwinan Campuran

³⁶ Fatwa Majlis Tarjih Muhammadiyah, *Hukum Beza Agama*, Disidangkan pada hari Jum'at, 20 Syakban 1432 H / 22 Juli 2011 M

³⁷ Sahabuddin, et.al., ed, Ensiklopedia Alquran: Kajian Kosakata, (Jakarta: Lentera Hati 2007,) Jilid 2, , 727

³⁸ Muhammad 'Ali As-Sabuni, *Rawa'i al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam min alquran*, Cairo: Dar al-Shabuniy, Juz 1, Cet. ke-1.1428 H/2007 M, h. 200 dalam jurnal jurnal Abdul Jalil, *Perkahwinan Beza Agama Dalam Perspektif Hukum Islam Dan Hukum Positif Di Indonesia*, 53

³⁹ Masjufuk Zuhdi, *Masail Fikihiyah*, 5

⁴⁰ Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, Vol. 2, (Beirut: Dar al-'Arabiyyah, t.th), 176.

(Regeling op de Gemengde Huwelijken) yang kemudiannya dikenali sebagai GHR. Setelah kemerdekaan Indonesia diadakan pula Undang-undang Nombor 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan (kemudiannya dikenali sebagai Undang-Undang Perkahwinan), khususnya setelah tahun 1983, pelaksanaan perkahwinan beza agama menjadi semakin sukar untuk dilaksanakan.⁴¹

Dalam Undang-Undang Nomor 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan, terdapat pasal yang menyebutkan tentang larangan perkahwinan beza agama, antara lain fasal 1, perkahwinan adalah ikatan jasmani dan rohani antara seorang lelaki dan seorang wanita sebagai suami isteri dengan tujuan membentuk keluarga (rumah tangga) yang bahagia dan kekal berdasarkan Ketuhanan Yang Maha Esa.⁴² Pasal 2 Ayat 1 perkawinan adalah sah, apabila dilakukan menurut hukum masing-masing agama dan kepercayaannya.⁴³ Pasal 2 ayat (1) menjelaskan tentang definisi perkahwinan itu sendiri. Dalam peraturan tersebut dinyatakan bahawa sesuatu perkahwinan itu dianggap sah apabila dilaksanakan berdasarkan agama dan kepercayaan masing-masing⁴⁴. Merujuk kepada pasal 2 Undang-Undang Perkahwinan tersebut secara jelas disebutkan bahawa perkahwinan adalah sah apabila dilaksanakan berdasarkan agama dan kepercayaan masing-masing. Berdasarkan pasal ini, ia sering ditafsirkan sebagai orang Islam melangsungkan perkahwinan dengan orang Islam, berdasarkan agama Islam; Katolik menjalankan perkahwinan dengan Katolik berdasarkan agama Katolik, begitu juga perkahwinan dua orang yang berbeza agama⁴⁵.

Kemudian, perkahwinan beza agama dalam KHI dinyatakan secara khusus dalam fasal 40 (c) yang menjelaskan larangan melakukan perkahwinan antara laki-laki dan perempuan karena keadaan tertentu; di antaranya ialah kerana wanita tersebut bukan Islam. Isu larangan perkahwinan beza agama yang berbeza terkandung dalam fasal 44, yang menyatakan wanita Islam dilarang berkahwin dengan lelaki bukan Islam. Perkahwinan beza agama juga akan memberi kesan kepada anak-anak. Perkara 99 Kompilasi Undang-undang Islam menyatakan definisi anak yang sah. Dalam keterangan dinyatakan bahawa anak yang sah (a) ialah anak yang dilahirkan dalam atau hasil daripada perkahwinan yang sah. Manakala keterangan (b) dinyatakan sebagai akibat perbuatan suami isteri yang sah di luar kandungan dan dilahirkan oleh isteri.⁴⁶

Fasal 44 KHI menyatakan bahawa wanita Islam dilarang berkahwin dengan lelaki yang bukan Islam. Berdasarkan dua artikel tersebut, boleh dikatakan bahawa menurut KHI, seorang wanita yang bukan Islam, tanpa mengira agamanya, tidak boleh dinikahkan dengan lelaki yang beragama Islam, dan seorang wanita Islam tidak boleh dinikahkan dengan lelaki yang bukan Islam, sama ada ahli kitab maupun bukan ahli kitab.⁴⁷ Manakala fasal 100 pula menyebut tentang hubungan anak yang dilahirkan di luar perkahwinan iaitu anak hanya akan mempunyai hubungan persaudaraan dengan ibu dan keluarga ibu.⁴⁸

Walaupun majoriti rakyat Indonesia beragama Islam namun rakyatnya masih

⁴¹ Pengadilan Agama Probolinggo (2022), *Konflik Norma Pernikahan Beda Agama Indonesia*, Accessed Ogos 02 2022. <https://badilag.mahkamahagung.go.id/artikel/publikasi/artikel/nadzirots-sintya-falady-s-h-cpns-analisis-perkara-peradilan-calon-hakim-2021-pengadilan-agama-probolinggo>.

⁴² Tim Redaksi Nuansa Aulia. *Kompilasi Hukum Islam*. (Bandung: Nuansa Aulia 2011), 76

⁴³ Himpunan Peraturan Perundang-undangan Yang Berkaitan Dengan Kompilasi Hukum Islam dengan Pengertian Dalam Pembahasan, Perpustakaan Nasional RI: Data Katalog Dalam Terbitan (KDT) 2011, 134

⁴⁴ Himpunan Peraturan Perundang-undangan Yang Berkaitan Dengan Kompilasi Hukum Islam dengan Pengertian Dalam Pembahasan, Perpustakaan Nasional RI: Data Katalog Dalam Terbitan (KDT) 2011, 134

⁴⁵ Abdurrahman, Hukum Perkawinan Campuran Beda Agama Ditinjau Dari Perspektif Hukum Dan Agama, Dalam Buku Kompendium Bidang Hukum Perkawinan *Perkawinan Beda Agama Dan Implikasinya*, Badan Pembinaan Hukum Nasional Kementerian Hukum Dan Ham RI 2011, 11

⁴⁶ Kompilasi Hukum Islam Di Indonesia, Kementerian Agama RI Direktorat Jendral Bimbingan Masyarakat Islam Direktorat Bina KUA dan Keluarga Sakinah tahun 2018, 90

⁴⁷ *Ibid*, 23

⁴⁸ *Ibid*, h. 91

mempunyai pelbagai penganut agama lain. Terdapat enam agama yang diiktiraf oleh negara Indonesia iaitu Islam, Kristian, Katolik, Buddha, Hindu dan Konghucu. Selain itu, terdapat golongan liberal dan pluralis dalam kalangan beragama Islam yang membenarkan perkahwinan beza agama berdasarkan hak asasi manusia. Walaupun perkahwinan beza agama dilarang di Indonesia berdasarkan undang-undang⁴⁹ namun dari sudut pengamalannya ia masih berlaku dalam kalangan umat Islam. Bahkan perkahwinan beza agama di Indonesia telah menjadi kebiasaan khususnya berdasarkan pencarian ikatan cinta sejati walaupun berbeza agama.

FATWA MAJELIS ULAMA INDONESIA TENTANG PERKAHWINAN BEZA AGAMA

Dalam fatwa perkahwinan beza agama, MUI telah mengeluarkan dua fatwa. Pertama: Fatwa perkahwinan beza agama melalui keputusan Musyawarah Nasional Kedua di Jakarta pada 1 Jun 1980. Fatwa tersebut menegaskan bahawa:

- a. Perkahwinan seorang wanita Islam dengan lelaki bukan Islam adalah haram;
- b. Lelaki Islam dilarang berkahwin dengan perempuan bukan Islam. Adapun perkahwinan antara lelaki dengan perempuan dari ahli kitab, terdapat perbezaan pendapat.

Setelah meneliti situasi *maslahah* dan *mafsadahnya* serta kerosakan yang berlaku akibat perkahwinan itu jauh lebih besar daripada manfaatnya maka MUI memutuskan bahawa perkahwinan beza agama di Indonesia adalah haram hukumnya. Fatwa ini ditandatangani oleh Prof. Dr. Hamka sebagai ketua MUI, Kafrawi sebagai setiausaha dan Alamsyah Ratu Perwiranegara sebagai Menteri Agama⁵⁰

Oleh demikian, berdasarkan keputusan Musyawarah Nasional MUI VII di Jakarta 2005 MUI iaitu:

- a. Perkahwinan beza agama adalah haram
- b. Perkahwinan lelaki Islam dengan perempuan ahli kitab, menurut *qawl mu'tamad*, adalah haram dan tidak sah.

Fatwa ini ditandatangani oleh KH. Ma'ruf Amin sebagai ketua MUI dan Hasanudin sebagai setiausaha. Fatwa di atas dikeluarkan oleh MUI kerana beberapa realiti yang timbul dalam kehidupan masyarakat moden, iaitu mutakhir ini banyak berlaku perkahwinan beza agama di Indonesia khususnya yang beragama Islam. Perkahwinan beza agama di tengah-tengah kehidupan sering mengundang keresahan dalam masyarakat khususnya dalam kalangan umat Islam sehingga mengundang perdebatan yang tidak pernah berakhiri. Selain itu, terdapat pemikiran di tengah-tengah masyarakat yang membenarkan amalan perkahwinan beza agama dengan alasan hak asasi manusia dan *maslahah*. Justeru itu fatwa ini merupakan pengukuhan terhadap fatwa nikah campur yang dikeluarkan oleh MUI pada Musyawarah Nasional II MUI di Jakarta 1980.⁵¹

Berdasarkan perhimpunan ayat di atas, MUI membahagikan fatwa hukum perkahwinan beza agama kepada dua. *Pertama*, perkahwinan beza agama haram dan tidak sah iaitu melibatkan perkahwinan wanita Islam dengan lelaki bukan Islam termasuk ahli kitab. *Kedua*, khusus untuk perkahwinan lelaki Islam dengan wanita ahli kitab yang dinilai haram dan tidak sah. Fatwa kedua ini masih menimbulkan persoalan kerana dalam al-Quran, hadith dan penulisan fiqh klasik tentang perkahwinan seperti ini telah dibincangkan secara terperinci oleh

⁴⁹ J. Shodiq, Misno, dan Abdul Rosyid, *Perkahwinan Beza Agama Menurut Imam Madzhab Dan Hukum Positif Di Indonesia*, Al-Mashlahah: Jurnal Hukum dan Pranata Sosial Islam, VOL : 07, NO : 1, Agustus 2019, 4

⁵⁰ Muhammad Atho Mudzhar. 1993. *Fatwa-Fatwa Majelis Ulama Indonesia Sebuah Studi Tentang Pemikiran Hukum Islam Di 1975-1988*, (Jakarta: INIS), 99.

⁵¹ Ali Mutaqin, *Fiqh Perkawinan Beza Agama Indonesia Kajian Atas Fatwa-Fatwa Nu, Muhammadiyah*, Jurnal Al-Aḥwāl, 14, No. 1, 2021 M/1442 H, 19.

para ulama. Jumhur ulama mengharuskan perkahwinan beza agama berdasarkan surah al-Maidah ayat 5.⁵² Namun, MUI sudah melakukan pertimbangan dan lebih hati-hati dalam mengeluarkan fatwa terhadap haramnya nikah beza agama. Sehingga MUI mengeluarkan fatwa dengan menggunakan metode istinbat hukum konsep *sad al-Zari'ah* iaitu pencagahan pernikahan beza agama tersebut kerana lebih banyak mudaratnya daripada maslahahnya, dan menjaga keimanan calon suami atau isteri dan anak-anak yang akan dilahirkan supaya melahirkan keluarga harmoni.

FATWA ULAMA INDONESIA TERHADAP PERKAHWINAN BEZA AGAMA DARI ASPEK PENDEKATAN MAQASID AL-SYARI'AH

Sheikh Mahmud Saltut dalam himpunan fatwanya menyatakan bahawa tujuan utama membenarkan seorang lelaki Islam berkahwin dengan perempuan ahli kitab adalah agar perkahwinan tersebut dapat menimbulkan ikatan kasih dan sayang sehingga perasaan tidak simpati terhadap Islam terhakis dari fikiran isteri dengan sikap baik suami muslim yang beza agama di samping menggambarkan keindahan dan keutamaan dalam amalan Islam. Namun jika seorang suami yang beragama Islam dibawa lari oleh isterinya, atau anak-anaknya terbawa-bawa untuk mengikut agama isteri, maka ia jelas bertentangan dengan tujuan menghalalkan perkahwinan tersebut justeru ketika itu perlu diputuskan perkahwinan⁵³.

Di Indonesia, MUI melalui Surat Keputusan Majelis Pimpinan MUI Nomor: U-596/MUI/IX/1997 telah menetapkan fatwa berkaitan dengan isu ini. Dalam fatwa tersebut dinyatakan bahawa setiap keputusan fatwa mestilah berlandaskan Kitab Allah dan Sunnah Nabi yang muktabarah, serta tidak bertentangan dengan kemaslahatan umat⁵⁴. Dalam fatwa perkawinan beza agama, MUI telah mengeluarkan dua fatwa. Pertama: Fatwa perkahwinan beza agama dikeluarkan hasil Musyawarah Nasional Kedua di Jakarta pada 1 Jun 1980. Fatwa tersebut menegaskan bahawa (1) perkahwinan seorang wanita Islam dengan lelaki bukan Islam adalah haram; (2) lelaki Islam dilarang berkahwin dengan perempuan bukan Islam. Adapun perkahwinan antara lelaki dan perempuan muslim dari ahli kitab, terdapat perbezaan pendapat. Setelah dibuat pentarjihan di antara *maslahah* dan *mafsadah*, didapati *mafsadah* yang timbul akibat perkahwinan itu jauh lebih besar daripada manfaatnya maka MUI memutuskan bahawa perkahwinan itu adalah haram.⁵⁵ Di antara dalil-dalil al-Quran yang menjadi rujukan utama adalah sebagai berikut: surah al-Baqarah, ayat 221, surah al-Maidah, ayat 5, surah al-Mumtahanah, ayat 10 dan surah al-Tahrim, ayat 66.

Berdasarkan perhimpunan ayat di atas, MUI memutuskan bahawa perkahwinan lelaki Islam dengan wanita ahli kitab adalah haram dan tidak sah. Fatwa ini masih menimbulkan persoalan kerana dalam al-Quran, hadith dan penulisan fiqh klasik tentang perkahwinan seperti ini telah dibincangkan secara terperinci oleh para ulama. Sebagaimana ditegaskan sebelum ini jumhur ulama mengharuskan perkahwinan beza agama berdasarkan surah al-Maidah ayat 5.⁵⁶ Walau bagaimanapun, MUI tetap menyatakan perkahwinan beza agama tidak sah berdasarkan surah al-tahrim ayat 6 dan hadith kriteria calon isteri sebagaimana yang dibahaskan sebelum ini.

Seterusnya berdasarkan hasil Musyawarah Nasional MUI VII di Jakarta 2005 MUI memutuskan: (1) Perkahwinan beza agama adalah haram (2) Perkahwinan lelaki Islam dengan perempuan ahli kitab, menurut *qawl mu'tamad*, adalah haram dan tidak sah. Fatwa yang

⁵² Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Shahih al-Bukhari*. (Penerbit Sulaiman Mar'i, t.th), 243

⁵³ Muhammad Rasyid Ridha, *Tafsir al-Manar*, (Kairo: Dar al-Manar 1367 H), Jilid 6, 371.

⁵⁴ IbnuDin, *Pandangan Perkahwinan Beza Agama Antara Majelis Ulama Indonesia (MUI) Dan Jaringan Islam Liberal (JIL)*, 98

⁵⁵ Muhammad Atho Mudzhar. 1993. *Fatwa-Fatwa Majelis Ulama Indonesia Sebuah Studi Tentang Pemikiran Hukum Islam Di 1975-1988*, 99

⁵⁶ Abi Abdillah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Shahih al-Bukhari*, (Penerbit Sulaiman Mar'i, tt), hlm. 243

ditandatangani oleh KH. Ma'ruf Amin sebagai ketua MUI dan Hasanudin sebagai setiausaha⁵⁷ dikeluarkan berdasarkan realiti semasa yang menunjukkan bilangan perkahwinan beza agama yang semakin meningkat dalam kalangan umat Islam di Indonesia. Ditambah lagi berkembangnya golongan pemikiran liberal yang membenarkan amalan perkahwinan beza agama bersandarkan *maslahah* dan keinginan menegakkan hak asasi manusia yang didakwa telah dirampas dari mereka. Justeru itu fatwa ini merupakan pengukuhan terhadap fatwa nikah campur yang dikeluarkan oleh MUI pada Musyawarah Nasional II MUI di Jakarta 1980⁵⁸.

Fatwa di atas berdasarkan beberapa dalil-dalil al-Qur'an, Hadits dan kaidah-kaidah fiqh. Di antara ayat al-Qur'an yang digunakan sebagai dalil adalah surah al-Nisa ayat 3; surah al-Rum, ayat 21; surah al-Tahrim, ayat 6; surah al-Maidah ayat 5; surah al-Baqarah, ayat 221; surah al-Mumtahanah ayat 10 dan surah al-Nisa ayat 25. Jika diteliti ayat yang digunakan oleh MUI di atas, dapat difahami bahawa selain yang berkaitan dengan larangan nikah beza agama, ia juga memberikan jalan penyelesaian agar terhindar dari amalan pernikahan tersebut. Surah al-Nisa ayat 3, jelas menyatakan bahawa boleh perkahwinan lebih dari satu (poligami) dengan syarat yang telah ditetapkan. Ini menunjukkan bahawa amalan perkahwinan beza agama perlu dielakkan seboleh-bolehnya walaupun terpaksa perkahwinan lebih daripada seorang. Dalam hal ini amalan perkahwinan beza agama mencabar hak umat Islam untuk memelihara generasi umat Islam khususnya melibatkan hak aqidah yang dijadikan kepentingan utama dalam pemeliharaan lima perkara asas (*kulliyat al-khams*) dalam *maqasid al-syariah*. Justeru itu perkahwinan beza agama mempunyai risiko yang jauh lebih besar iaitu ancaman agama seseorang dan kerosakan aqidah generasi umat Islam di Indonesia.

Seterusnya kaedah *istinbath* atau ijtihad yang digunakan oleh MUI dalam fatwa perkahwinan beza agama, ia lebih merupakan pendekatan *manhaji* iaitu mengutamakan *sadd al-dhari'ah* berbanding *fath al-dhari'ah*. Dalam kaedah fiqh ia seiring dengan kaedah درء المفاسد مقدم على جلب المصالح iaitu menolak kerosakan lebih utama dari mencapai manfaat semata-mata dari perkahwinan tersebut. Dalam maqasid al-syari'ah ia dikenali sebagai pentarjihan *mafsadah* yang dominan (المفسدة المرجوة) ke atas maslahah yang tidak dominan (ال MASLAHAH AMMAH). Begitu juga kaedah keutamaan maslahah individu (maslahah khassah) terhadap maslahah umat Islam (maslahah ammah). Dalam kata-kata lain, fatwa ini dikeluarkan semata-mata untuk menyekat umat Islam dari terjebak ke lembah kerosakan yang melibatkan kehancuran perkahwinan dan kemudaran zuriat yang bakal dilahirkan. Kerosakan zuriat umat Islam melibatkan kerosakan terhadap generasi umat Islam akan datang. Secara analisisnya boleh dinyatakan bahawa fatwa ini seiring dengan kaedah usul al-fiqh, kaedah fiqh dan kaedah maqasid al-syari'ah.

Pada dasarnya fatwa ini lebih mementingkan kepentingan masyarakat Islam yang bersifat global⁵⁹ dari kepentingan yang khusus⁶⁰ yang hanya melibatkan keinginan segelintir masyarakat dalam kalangan umat Islam yang inginkan beristeri ahli kitab sama ada disebabkan kecantikan ataupun faktor percintaan. Secara ringkasnya fatwa tersebut memutuskan pertama. Perkahwinan beza agama adalah haram dan tidak sah. Kedua, Menurut *qawl mu'tamad*, perkahwinan lelaki Islam dengan perempuan Ahlul Kitab adalah haram dan tidak sah.⁶¹

Fatwa ini apabila dinilai dari sudut konsep *Maqasid al-Shariah* maka ia kelihatan jelas menepati *maqaṣid al-shari'ah* yang berada di bawah pemeliharaan terhadap agama (*hifz-al-din*) dan keturunan (*hifz al-nasab*) di bawah tingkat *daruriyyat*. Rasionalnya apabila

⁵⁷ Ali Mutaqin, *Fiqh Perkawinan Beza Agama Indonesia Kajian Atas Fatwa-Fatwa Nu*, Muhammadiyah, 19

⁵⁸ Ibid

⁵⁹ Heri Fadli Wahyudi Fajar, Metode Ijtihad Komisi Fatwa Majelis Ulama Indonesia dan Aplikasinya dalam Jurnal Cakrawala Studi Islam Vol. 13 No. 2, 2018, 131

⁶⁰ Ridzwan Ahmad, *Metode Pentarjihan Maslahah dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa*, Jurnal Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malayah, vol 16, No. 1 (2008), 111

⁶¹ Fatwa Majelis Ulama Indonesia Nomor: 4/MUNAS VII/MUI/8/2005 Tentang Perkawinan Beza Agama, 477

perempuan yang mempunyai pegangan agama yang lemah tidak digalakkan dipilih sebagai pasangan hidup bagaimana perempuan yang berbeza agama maka lebih lagilah tidak digalakkan. Begitu juga perkahwinan melibatkan pembinaan zuriat yang salih justeru bagaimana ibu yang bukan Islam mampu melahir dan mendidik anak-anaknya menjadi insan yang benar-benar beriman dan bertakwa. Jika berlaku sekalipun hanya bersifat jarang-jarang dan tidak pasti justeru perlu ditolak kerana ia melibatkan masa depan seseorang zuriat yang bakal dilahirkan. Ketidakpastian manfaat perkahwinan beza agama ini amat ketara bahkan ia perlu ditolak berdasarkan penolakan maslahah mawhumah dalam kaedah maqasid al-syari'ah.

Sesungguhnya larangan perkahwinan beza agama di Indonesia amat jelas dan ia bukan bersifat makruh bahkan haram yang tegas walaupun pengharaman tersebut lebih berdasarkan resiko keburukannya yang sukar dikawal dalam masyarakat. Pengharaman tersebut diputuskan oleh para ulama demi mencapai maqasid sebenar dalam perkahwinan iaitu melahirkan rumah tangga yang mawaddah, aman damai dan rahmat melalui zuriat yang terbaik dan salih. Semua itu sukar diperolehi melalui perkahwinan beza agama. Berkaitan dengan hak asasi pula maka perlu difahami bahawa apabila *maqasid ash-shari'ah* tidak tercapai maka hak asasi manusia juga tidak akan tercapai. Ini kerana hak asasi manusia dalam Islam bertunjangkan kaedah *maqasid al-syariah* khususnya kaedah جلب المصالح ودرء المفاسد عن الناس (pencapaian maslahah dan penolakan mafsadah terhadap manusia). Justeru itu apabila tercapainya *maqasid al-syari'ah* dalam pemeliharaan agama dan keturunan maka seluruh masyarakat akan menikmati kehidupan yang sejahtera dan aman damai.

Sebenarnya tegahan perkahwinan beza agama hanya difatwakan di Indonesia tanpa dikuatkuaskan sebarang undang-undang untuk mencegahnya. Adapun kdudukan KHI dan Undang-undang no 1 tahun 1974 hanya dijadikan sebagai pedoman dan rujukan hakim Pengadilan Agama dalam memutuskan perkara bukan Undang-undang Negara Indonesia, dan Inpres (intruksi Presiden) No. 1 Tahun 1991 untuk terciptanya ketertiban dan keterbinaannya keadilan serta terjalannya kepastian hukum.⁶² MUI telah mengingatkan, mempertimbangkan, dan memberi perhatian terhadap impak pengaruhnya, antaranya soal ibadah, psikologi anak dalam rumah tangga dan lain-lain. Dalam hal ini mafsatadah perkahwinan beza agama adalah lebih besar daripada maslahah. Pandangan MUI ini menepati beberapa konsep *maqasid al-shariah* sebagaimana yang diuraikan sebelum ini. Namun faktor-faktor semaraknya perkahwinan beza agama tidak dapat disekat semata-mata dengan pengeluaran fatwa dari pihak yang berautoriti di Indonesia.

KESIMPULAN

Perkahwinan beza agama tetap berlaku di Indonesia walaupun MUI telah mengeluarkan fatwa pengharamannya sebanyak dua kali. Fatwa tersebut mengambil kira kaedah *maqasid al-syari'ah* iaitu جلب المصالح ودرء المفاسد عن الناس. Walau bagaimanapun disebabkan tiadanya undang-undang yang dikeluarkan untuk mengawal perkahwinan beza agama maka amalan tersebut seolah-olah telah menjadi perkara biasa di Indonesia. Golongan liberal pula bebas mengamalkannya kerana di luar Indonesia masih ada pandangan cendekiawan muslim lain yang membenarkannya. Ia berbeza di Malaysia kerana akta dan undang-undang pengawalan perkahwinan beza agama dikuatkuasakan melalui peruntukan undang-undang tertentu. Isu perkahwinan beza agama yang berlaku di Indonesia jelas menunjukkan bahawa manusia tidak menghiraukan lagi fatwa institusi agama jika tiada undang-undang yang jelas mampu mengawal mereka walaupun telah dinyatakan tentang keburukan perkahwinan tersebut dari sudut agama dan keturunan.

⁶² Hakiki Zulfirahman dan Bernandus Tuahnu, *Problema Hukum Kompilasi Hukum Islam Dalam Tata Hukum Indonesia (Suatu Analisa Hukum Kedudukan Kompilasi Hukum Islam dalam Tata Urutan Perundang-Undangan dan Pemecahannya di Tinjau dari Politik Hukum Indonesia)*, (Biro Hukum Sekretariat Daerah Provinsi Kalimantan Tengah 2023), 16

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Mustafa al-Maraghi, *Tafsir al-Maraghi*, Misr: Matba'ah al-Halabi, 1946,
‘Allal al-Fasi, *Maqasid al-Shari’ah wa Makarimuha*, Mesir: Dar al-Ma’arif 1971.
- Abd Rahman Dahlan, *Ushul Fiqh*, Jakarta; AMZAH 2014.
- Abdul Manan, *Reformasi Hukum Islam di Indonesia*, Jakarta Rajagrafindo Persada 2006.
- Abdul-Wahab, A. S., & Al-Naib, F. A. G, *Inhibitional effects of Imperata cylindrica (L.) PB*.
Baghdad Univ Iraq Natur Hist Mus Bull, 1972.
- Abdul Jalil, *Perkahwinan Beza Agama Dalam Perspektif Hukum Islam Dan Hukum Positif Di Indonesia Andragogi* Jurnal Diklat Teknis, Volume: VI No. 2 Juli-Desember 2018,
- Abi Abdillah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Shahih al-Bukhari*, Penerbit Sulaiman Mar'i. t.th.
- Abu Hamid al Ghazali, *al-Mustashfa min ‘Ilm al Usul*, Juzuk I Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983.
- Abu Ishaq Al-Shatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al- Syari’ah*, Kahera: Mustafa Muhammad t.th.
- Abu Malik Kamal bin As-Sayyid Salim, *Sahih Fikih Sunnah*. Jakarta: Pustaka Azzam 2014.
- Ahmad Imam Mawardi, *Fiqh Minoritas fiqh al-Aqliyat dan Evolusi Maqashid al-Syari’ah dari konsep ke pendekatan*, Yogyakarta: Lkis, 2010.
- Akbar Sarif, *Analisis perbandingan konsep maslahah dan mafasadah antara imam al-ghazali dan imam al-Shatibi*, Tesis, Master Usul Fiqh Akademi Pengajian Islam University Of Malaya, 2012.
- Aldil Nuari, *Kahwin Beza Agama Dalam Pandangan Yusuf Al-Qardhawi*, Tesis, Program Pascasarjana (PPS) Universitas Islam Negeri (UIN) Sultan Syarif Kasim Riau, 2020 M,
- Akmaludin Sya’bani, *Maqasid Al-Syari’ah Sebagai Metode Ijtihad*, 2015.
- Ali Mutaqin, *Fiqh Perkawinan Beza Agama Indonesia Kajian Atas Fatwa-Fatwa Nu, Muhammadiyah*, Jurnal Al-Alwāl, 14, No. 1, 2021 M/1442 H,
- Al-Nawawi al-Jawi, *Tafsir al-Munir*, Semarang: Usaha Keluarga, t.th.
- Aulil Amri, *Konsep Keimanan dalam Undang-Undang Terhadap Perkawinan Beda Agama*, Jurnal Media Syari’ah, Vol. 22, No. 1, 2020,
- Chamim Tohari, *Pembaharuan Konsep Maqāsid Al-Sharī’ah dalam Pemikiran Muhamamad Tahir Ibn ‘Ashur*. Al Maslahah, 2017.
- Detik.com (2022): "Most Pop: Viral Nikah Beda Agama ke-1.424 di Semarang, Pengantinnya Pakai Hijab", Accessed Ogos 02 2022. <https://wolipop.detik.com/wedding-news/d-5980202/most-pop-viral-kahwin-beza-agama-ke-1424-di-semarang-pengantinnya-pakai-hijab>
- Hamka Haq, *Al-Shatibi Aspek Teologis Konsep Maslahah dalam Kitab al-Muwafaqat*, Penerbit Erlangga, 2007.
- Heri Fadli Wahyudi Fajar, Metode Ijtihad Komisi Fatwa Majelis Ulama Indonesia dan Aplikasinya dalam Jurnal Cakrawala Studi Islam Vol. 13 No. 2, 2018,
- Himpunan Fatwa MUI Sejak 1975, *Fatwa Majelis Ulama Indonesia* Nomor: 4/MUNAS VII/MUI/8/2005 Tentang Perkawinan Beza Agama, Jakarta: Erlangga, 2015.
- Himpunan Peraturan Perundang-undangan Yang Berkaitan Dengan Kompilasi Hukum Islam dengan Pengertian Dalam Pembahasan, Perpustakaan Nasional RI: Data Katalog Dalam Terbitan (KDT), 2011.
- Ibn ‘Ashur, Muhammad al-Tahir, *Bahthu Maqasid Al-Shari’ah*, terjemahan Muhammad al-Tohir al-Misawiy, Juzuk I, London, wa ashinton: al-Ma’had al-‘ali lil fikri al-islamiyah, 2006.
- Ibnudin, *Pandangan Perkawinan Beza Agama Antara Majelis Ulama Indonesia (MUI) Dan Jaringan Islam Liberal (JIL)*, Jurnal Risaalah: Pendidikan dan Studi Islam, Vol . 1 , No. 1, Desember 2015.
- Jasir ‘Aawdah, , *Maqasid al-Shari’ah Ka Falsafat Litashri’i Al-Islamiyyah : Ru’yatu*

- Mandzumiyatun, Al-Amiriyah: Al-Ma'had Al-'Alami Lifikri Al-Islamiyah*, 2012.
- J. Shodiq, Misno, dan Abdul Rosyid, *Perkahwinan Beza Agama Menurut Imam Madzhab Dan Hukum Positif Di Indonesia*, Al-Mashlahah: Jurnal Hukum dan Pranata Sosial Islam, VOL : 07, NO : 1, Agustus 2019,
- Jane Marlen Makalew, *Akibat Hukum Dari Perkawinan Beza Agama Di Indonesia*, Lex Privatum, Vol.I/No.2/Apr-Jun/2013.
- Kompendium Bidang Hukum Perkawinan, *Perkawinan Beda Agama Dan Implikasinya*, Badan Pembinaan Hukum Nasional Kementerian Hukum Dan Ham RI, 2011.
- Kaharuddin dan Syarifuddin, *Perkahwinan Beza Agama dan Dampak Terhadap Pendidikan Agama Anak*, Sangaji Jurnal Pemikiran Syariah dan Hukum, Vol. 4, No. 1, Maret 2020,
- Kompilasi Hukum Islam Di Indonesia, Kementerian Agama RI Direktorat Jendral Bimbingan Masyarakat Islam Direktorat Bina KUA dan Keluarga Sakinah, 2018.
- Lexy J. Moleong, *Metodologi Penelitian Kualitatif*, Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 2005.
- M. Halilurrahman & Imam Edi Supeno, *Pandangan Maqaṣid Al-Shari'ah Dalam Fatwa Ulama Kontemporer Tentang Kahwin Misyar Al-Ashlah*, 2022.
- M. Julnis Firmansyah (2023), MA *Keluarkan Edaran Larang Pengadilan Catatkan Pernikahan Beda Agama* Accessed Ogos 02 2023. <https://nasional.tempo.co/read/1749696/ma-keluarkan-edaran-larang-pengadilan-catatkan-pernikahan-beda-agama>
- Majelis Ulama Indonesia, *Himpunan Keputusan dan Fatwa Majelis Ulama Indonesia* Jakarta: Sekretariat MUI Mesjid Istiqlal, 1995.
- Masjufuk Zuhdi, *Masail Fiqihiyah*, Jakarta: Toko Gunung Agung, 1997.
- Mohammad Atho Mudzhar, *Fatwa-Fatwa Majelis Ulama Indonesia Sebuah Studi Tentang Pemikiran Hukum Islam*. 1975-1988, Jakarta: INIS, 1993.
- Mufidah CH, *Psikologi Keluarga Islam Berwawasan Gender*, Malang: UIN-Malang Press 2008.
- Muhammad 'Ali al-Sabuni, *Rawa'i al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Quran*, Kairo: Dar al-Shabuniy, Juz 1, 2007M.
- Muhammad Rasyid Ridha, *Tafsir al-Manar*, Kaherah: Dar al-Manar, t.th.
- N. Nasiri, *Membongkar praktik kawin friend para wanita Sosialita di Surabaya*. Ijtihad: Jurnal Wacana Hukum Islam Dan Kemanusiaan, 2018.
- Pengadilan Agama Probolinggo (2022), *Konflik Perkawinan Beda Agama di Indonesia*, Accessed Ogos 02 2022. <https://badilag.mahkamahagung.go.id/artikel/publikasi/artikel/nadzirotus-sintya-falady-s-h-cpns-analis-perkara-peradilan-calon-hakim-2021-pengadilan-agama-probolinggo>
- Restu Adhie Charisma, *Makalah "Penyebab Dan Akibat Perkawinan Beza Agama Di Indonesia"*, Program Studi Ilmu Hukum fakultas Hukum Universitas Pembangunan Nasional "Veteran" Jakarta, 2022.
- Republika (2021): *8 Artis Menikah Beda Agama dan Berakhir Cerai*, Accessed Ogos 04 2022 <https://www.republika.co.id/berita/r3gjcv4324000/8-artis-mekahwin-beza-agama-dan-berakhir-cerai>.
- Ridzwan Ahmad, *Metode Pentarjihan Maslahah dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa*, Jurnal Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, bil 16, No. 1, 2008.
- Riska Farasonalia (2022), Kompas, *Foto Pernikahan Beda Agama di Kota Semarang Viral di Media Sosial*, Accessed Ogos 04 2022. <https://regional.kompas.com/read/2022/03/07/173048978/foto-perkahwinan-beza-agama-di-kota-semarang-viral-di-media-sosial?page=all>.
- Sahabuddin, et.al, *Ensiklopedia Al-Quran: Kajian Kosakata*, Jakarta: Lentera Hati, 2007. Jilid II,

- Sayid al-Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Juzuk I, Kaherah: Dar Al-Fath Lil" Ilam Al-Arabi, 1999.
- Sudargo Gautama, *Hukum Antar Golongan*, Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1980.
- Sulaiman Ahmad Yahya Al-Faifi, *Ringkasan Fikih Sunnah Sayyid Sabiq*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2009.
- Tim Redaksi Nuansa Aulia *Kompilasi Hukum Islam*. Bandung: Nuansa Aulia, 2011.